



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
USAHAWAN DAN KOPERASI  
MINISTRY OF ENTREPRENEUR DEVELOPMENT AND COOPERATIVES

# GERAN BANTUAN BANJIR KELUARGA MALAYSIA

#KELUARGA  
MALAYSIA



    @tekunasional



## Apakah yang dimaksudkan dengan Geran Bantuan Banjir Keluarga Malaysia?

- **Bantuan berbentuk geran RM3,000 yang diberikan kepada peniaga informal dan mikro yang mana premis perniagaan mereka terjejas akibat banjir pada Disember 2021 dan Januari 2022 bagi memulihkan perniagaan dan beroperasi semula.**

## Siapakah yang layak untuk memohon Geran Bantuan Banjir Keluarga Malaysia?

- **Peniaga informal dan mikro bertaraf warganegara Malaysia yang premis perniagaan mereka terjejas akibat banjir pada Disember 2021 dan Januari 2022 layak memohon geran ini.**

## Apakah yang dimaksudkan dengan perniagaan informal dan mikro?

- **Perniagaan informal adalah perniagaan yang tidak berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atau pihak berkuasa tempatan (PBT) manakala perniagaan mikro adalah perniagaan yang berdaftar dengan jualan kurang daripada RM300,000 setahun atau bilangan pekerja kurang daripada 5 orang.**

**Saya adalah usahawan TEKUN sedia ada dan telah mendapat Skim Pembiayaan Informal dan Mikro (SPIM) baru-baru ini. Adakah saya juga layak memohon?**

- **Ya, anda layak memohon geran bantuan ini.**

**Saya bukan usahawan TEKUN, adakah saya juga layak memohon?**

- **Ya, anda layak memohon geran bantuan ini.**



**Saya merupakan petani dan penternak, projek cili fertigasi dan ternakan ikan air tawar saya terjejas semasa banjir baru-baru ini, adakah saya juga layak memohon ?**

- **Tidak layak, bagi sektor pertanian anda layak memohon melalui Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menerusi Dana Tabung Bencana Tanaman Padi (TBTP) atau dibawah Program Pembangunan Semula Projek Agromakanan (PPSPA)**

**Semasa berlakunya bencana banjir, perniagaan saya tidak ditenggelami air tetapi telah terputus hubungan akibat banjir. Adakah saya layak mendapatkan bantuan geran ini?**

- **Anda tidak layak kerana bantuan ini hanya diberikan kepada perniagaan yang terjejas dengan banjir sahaja.**

**Apakah dokumen yang diperlukan bagi memohon Geran Bantuan Banjir Keluarga Malaysia?**

- **Dokumen yang diperlukan adalah :**
  - a) Salinan Kad Pengenalan Pemohon**
  - b) Salinan Penyata Bank Individu**
  - c) Salah satu daripada laporan berikut :**

**Laporan Polis / Bomba / NADMA / Agensi MEDAC / Pemimpin Tempatan / Penghulu / Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) / Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JPKKP) / Ketua Kaum (Sabah & Sarawak) / Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil / Dewan Perniagaan**



**Adakah saya perlu membayar balik bantuan ini?**

- **Bantuan ini diberikan secara geran one-off dan tidak perlu dibayar balik.**

**Berapa lamakah tempoh proses kelulusan Bantuan Banjir Keluarga Malaysia?**

- **Proses kelulusan dalam masa 7 hari bekerja selepas menerima permohonan lengkap.**

**Bilakah tarikh akhir permohonan Geran Bantuan Banjir Keluarga Malaysia?**

- **Geran Bantuan Banjir Keluarga Malaysia adalah terbuka dan tertakluk kepada baki dana.**

**Adakah TEKUN / Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) / Agensi melantik ejen atau wakil untuk menguruskan permohonan Geran Bantuan Banjir Keluarga Malaysia?**

- **Tiada ejen atau wakil dilantik untuk menguruskan permohonan geran bantuan ini.**

**Bagaimana cara saya memohon Geran Bantuan Banjir Keluarga Malaysia?**

- **Permohonan Geran Bantuan Banjir Keluarga Malaysia boleh dibuat menerusi pautan <https://tinyurl.com/geranbbkm> , melalui Pejabat Cawangan TEKUN yang berhampiran di seluruh negara atau menerusi agensi MEDAC / AIM / Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil.**



**Saya merupakan Usahawan TEKUN sedia ada dan juga merupakan Sahabat Amanah Ikhtiar Malaysia ( AIM ) yang terlibat dengan banjir, perlukah saya mengisi borang permohonan menerusi pautan yang di di atas?**

- **Tidak perlu, bagi Usahawan TEKUN dan Sahabat AIM yang terlibat dengan banjir, permohonan anda akan dibuat melalui Pejabat Cawangan TEKUN dan AIM masing-masing.**

**Bagaimana saya boleh mengetahui alamat dan nombor telefon pejabat-pejabat TEKUN?**

- **Maklumat lengkap Pejabat Cawangan TEKUN di seluruh negara boleh dilayari melalui link berikut :**  
[www.tekun.gov.my/ms/hubungi-kami/connections/](http://www.tekun.gov.my/ms/hubungi-kami/connections/)

**Bagaimanakah geran bantuan ini disalurkan kepada penerima?**

- **Geran bantuan ini akan disalurkan secara pindahan elektronik ke dalam akaun bank penerima yang diberikan semasa permohonan atau menerusi kaedah pengeluaran cek.**

